

Untungkah UMNO Jika Dr. Mahathir Disingkir?

Era Baru - 17/11/2006

Oleh: AWANG SULUNG

PERCUBAAN awal pihak tertentu khususnya pemimpin UMNO di Kedah untuk menyingkirkan Tun Dr. Mahathir Mohamad dari pada jawatan penasihat beberapa agensi kerajaan seperti Petronas dan Proton menemui kegagalan apabila Majlis Tertinggi (MT) sebulat suara menolak desakan tersebut.

Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi ketika mengumumkan keputusan tersebut menjelaskan, bekas Perdana Menteri itu tidak akan dipecat daripada memegang jawatan tersebut biarpun beliau berterusan mengkritik kerajaan.

Tindakan Pak Lah untuk tidak termakan hasutan dan syor yang keterlaluan itu disambut baik oleh jutaan ahli-ahli UMNO sambil menyifatkan Pak Lah telah mengambil keputusan sebagai pemimpin yang rasional.

Keputusan tepat dibuat oleh MT UMNO itu ternyata telah memberi tamparan hebat kepada beberapa pemimpin UMNO termasuk Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahadzir Khalid yang dikatakan 'amat membenci' Dr. Mahathir.

Sebelum ini, Mahadzir selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah didakwa telah berjaya menanamkan 'kebencian' ahli-ahli UMNO di

Bahagian Kubang Pasu sehinggakan Dr. Mahathir tewas untuk dicalonkan sebagai perwakilan 07 ke Perhimpunan Agung UMNO Malaysia 13 November ini.

Walaupun Mahadzir menafikan beliau 'amat membenci' Dr. Mahathir, tetapi pemerhati politik menyifatkan tindak-tanduk dan perilaku politik beliau telah mengheret ahli-ahli UMNO untuk turut sama 'membenci Dr. Mahathir' kerana dibayangi ketakutan kuasa Mahadzir selaku Menteri Besar.

Senario kebencian kepada Dr. Mahathir itu menyebabkan ahli-ahli UMNO di negeri Kedah mulai mempertikaikan kebijaksanaan dan kematangan Mahadzir selaku Menten Besar yang ditunjuk oleh Pak Lah.

Ahli-ahli UMNO di Kedah yang berasa malu bukan kepalang dengan permainan politik Mahadzir menyifatkan Menteri Besar mereka sebagai 'badut' yang cuba mengajar Dr. Mahathir, bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO yang telah 22 tahun mencurahkan segala pengorbanan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Ada yang mendakwa Mahadzir terpaksa berbuat demikian untuk membuktikan kepada Pak Lah bahawa Perdana Menteri tidak tersilap memilih beliau sebagai Menteri Besar, walaupun Pak Lah difahamkan amat dukacita dan kecewa dengan tindakan Mahadzir menanamkan rasa kebencian rakyat negeri itu kepada Dr. Mahathir.

Implikasi daripada permainan politik Mahadzir yang cuba menyerang Dr. Mahathir secara terancang itu menyebabkan beliau semakin tidak popular di kalangan rakyat Kedah.

Malah ada sumber mendakwa sebahagian besar pemimpin UMNO termasuk Ketua-Ketua UMNO Bahagian di Kedah mula meluat dengan permainan politik Mahadzir yang disifatkan seperti 'katak naik junjung'.

Tidak cukup percubaan untuk menyingkirkan Dr. Mahathir daripada dilantik sebagai penasihat beberapa agensi dan badan kerajaan, usaha sedang dijalankan supaya Dr. Mahathir dilucutkan keahliannya daripada UMNO.

Sebabnya kerana Dr. Mahathir mengkritik dan menegur kepimpinan Pak Lah dan 'menyindir' menantu Perdana Menteri, Khairy Jamaluddin yang didakwa ada kuasa ajaib mempengaruhi cara, pemikiran dan keputusan Pak Lah.

Ironisnya, mereka yang membuat usul supaya Dr. Mahathir dipecat sebagai ahli UMNO adalah mereka yang baru setahun jagung dalam hirarki dan perjuangan parti.

Malah kesetiaan dan keikhlasan mereka berjuang bersama UMNO barangkali senipis kulit bawang dan tidak pernah berdepan dengan ujian getir sepertimana UMNO dilanda musibah pada tahun 1987.

Mereka yang membuat usul keterlaluan dan berbau 'bodek' itu semata-mata untuk menunjukkan kepada Pak Lah dan menantunya (Pemuda UMNO) bahawa mereka 'sokong Pak Lah'.

Ketika UMNO diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 1987, bermakna parti itu sudah tidak ada nyawa lagi, sudah tidak wujud lagi di dalam kerabat Barisan Nasional (BN).

UMNO pecah akibat pertarungan sengit jawatan Presiden UMNO di antara Dr. Mahathir dengan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah yang akhirnya menyaksikan beberapa pemimpin Melayu ketika itu keluar daripada UMNO.

Antara mereka ialah Datuk Seri Rais Yatim, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Zainal Abidin Zin dan Datuk Shahrir Abdul Samad.

Apabila UMNO sudah tidak ada, maka tidak ada pemimpin Melayu pada ketika itu boleh mengakui bahawa mereka adalah ahli atau pemimpin UMNO termasuk Dr. Mahathir dan Pak Lah.

Dr. Mahathir mahu tidak mahu terpaksa mengosongkan kerusi Perdana Menteri Malaysia kerana beliau bukan lagi ahli UMNO kerana UMNO sudah dimatikan.

Atas semangat permuafakatan dan setiakawan, maka Presiden MCA pada ketika itu, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik (kini Tun) mengetuai BN selama 5 minit sebelum UMNO Baru ditubuhkan.

Berkat kegigihan Dr. Mahathir, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba dan Datuk Seri Mohamad Rahmat (Tan Sri) ketika itu Setiausaha Agung UMNO, maka hiduplah UMNO Baru dan Dr. Mahathir adalah pemimpin Melayu yang pertama menjadi ahlinya, dengan nombor keahlian 0001.

Tok Mat bersama Tun Daim Zainuddin terpaksa menadah songkok untuk meminta sumbangan dan pendaftaran keahlian dari pada pemimpin-pemimpin UMNO pada ketika itu, yang ada sesetengah daripada mereka secara senyap lebih cenderung kepada kumpulan Tengku Razaleigh. Kutipan yang diperolehi hanya sebanyak RM 274.

Kini, UMNO yang dibangunkan semula oleh Dr. Mahathir, Pak Ghafar dan Tok Mat kembali gagah dan tetap berada di matlamat asal perjuangan untuk membela nasib dan masa depan orang Melayu.

Apabila Dr. Mahathir mengambil keputusan bersara dan menamakan Pak Lah sebagai Perdana Menteri, bermakna Dr. Mahathir amat mempercayai dan yakin kepada keupayaan Pak Lah.

MENUDUH

Malah Dr. Mahathir sudah semestinya mengharap Pak Lah akan melakukan yang lebih baik daripada beliau sama ada sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Tetapi apabila Dr. Mahathir menegur cara Pak Lah menangani beberapa isu yang membabitkan kepentingan rakyat dan negara, beberapa pemimpin UMNO telah melatah dan menuduh Dr. Mahathir sengaja campur tangan dan biamat jahat untuk menjatuhkan air muka Pak Lah dan seterusnya berkuasa semula.

Rasionalnya bagi Dr. Mahathir ialah beliau terpaksa menegur cara kepimpinan Pak Lah kerana pemimpin UMNO khususnya menteri-menteri kabinet Melayu dan ahli MT UMNO sejak kebelakangan ini langsung tidak berani untuk bersuara, apatah lagi untuk bertentangan mata dengan Pak Lah.

Sebagai menteri kabinet dan ahli MT yang dipilih oleh ahli-ahli UMNO, sepatutnya mereka lebih berani bersuara dan sanggup menegur cara dan keputusan Pak Lah, jika teguran itu boleh membawa kebaikan kepada rakyat dan negara.

Sehingga kini, tidak ada mana-mana menteri kabinet dan ahli MT UMNO yang berani menegur dan untuk berdepan dengan Pak Lah secara terbuka berhubung pelbagai cerita dan dakwaan yang dilemparkan kepada menantu Perdana Menteri, Khairy Jamaluddin.

Situasi itu menimbulkan dua tafsiran; samada sememangnya menteri kabinet dan ahli MT takut menegur Pak Lah kerana sayangkan jawatan dan kedudukan atau sememangnya Pak Lah pantang ditegur di atas segala kesilapan, kecuaihan dan kelemahan yang beliau lakukan termasuk dalam isu Khairy Jamaluddin.

Implikasinya juga ada dua, iaitu menteri kabinet Melayu dan ahli MT sudah mengkhianati kepada amanah dan mandat yang diberikan oleh rakyat. Mereka telah menodai kesucian perjuangan parti kerana pentingkan kedudukan.

Keduanya, kalau Pak Lah pantang ditegur, maka sememangnya wajar untuk Dr. Mahathir menegur dan mengkritik apa yang beliau fikirkan perlu untuk berbuat demikian demi kepentingan ramai.

Tetapi ada juga yang berhujah bahawa dalam kegawatan sedemikian, Pak Lah tidak seharusnya dibebankan dengan

pelbagai masalah dalaman kerana beliau amat memerlukan teguran dan pandangan daripada menteri kabinet Melayu dan MT UMNO.

Salahnya barisan menteri kabinet dan ahli MT itu sendiri yang lebih takut kehilangan jawatan dan kedudukan serta pangkat daripada bercakap di atas landasan kebenaran, walaupun mereka terpaksa su membiarkan diri mereka menjadi burung tiang dan 'pagar yang memba wa rebah' kepada kepimpinan Pak Lah.

Gangguan seperti inilah yang boleh menjadikan Pak Lah berada di dalam situasi yang kurang selesa dalam menguruskan perjalanan parti dan pentadbiran kerajaan.

Sehubungan itu, apabila ada pihak yang lantang bercakap supaya keahlian Dr. Mahathir daripada UMNO dilucutkan, bermakna golongan ini sengaja membuka ruang yang lebih luas kepada kehancuran UMNO itu sendiri.

Jutaan ahli-ahli UMNO dan orang Melayu sudah tentu tidak tergamak untuk 'membunuh' seorang bekas Perdana Menteri seperti Dr. Mahathir

yang jasanya terlalu banyak kepada umat Islam, orang Melayu dan negara ini semata-mata untuk memuaskan nafsu politik segelintir golongan.

Ahli-ahli UMNO yang mempunyai akal dan tindakan yang waras tidak sanggup untuk bersubahat dengan pemimpin politik yang bermaksud besar, penjilat politik yang rakus dan pelobi politik yang hilang pertimbangan kerana semata-mata kerana ingin menyatakan: "saya sokong Pak Lah".

Andainya Pak Lah termakan dengan hasutan supaya Dr. Mahathir dibuang daripada UMNO, bermakna Pak Lah terpaksa berdepan dengan cemuhan daripada kalangan jutaan ahli-ahli UMNO.

Malah Presiden UMNO itu terpaksa juga berhadapan dengan serangan bertubi-tubi daripada parti pembangkang terutamanya PAS yang sekarang ini sekadar memalu gendang menyaksikan tarian politik diantara Dr. Mahathir dan Pak Lah.

Jika Dr. Mahathir dibuang daripada UMNO, Dr. Mahathir tidak akan mendapat kerugian tetapi yang akan menanggung padahnya adalah orang Melayu dan ahli-ahli UMNO yang masih setia kepada semangat perjuangan hakiki, bukannya perjuangan kebendaan.

Pak Lah perlu akur dan mengambil iktibar bahawa di antara isu Dr. Mahathir dengan mantan Timbalan Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah jauh berbeza.

Ketika Anwar dipecat keahliannya daripada UMNO dan kerajaan, ahli-ahli UMNO dan orang Melayu tidak sedih dan tidak menyifatkannya sebagai satu kerugian besar kepada UMNO kerana Anwar tidak melakukan apa-apa pun untuk Melayu dan umat Islam di negara ini.

Mereka yang sedih dan hiba dengan pemecatan mantan Timbalan Perdana Menteri itu hanyalah segelintir, itu pun kelompok yang kecewa dengan Dr. Mahathir dan yang bergantung 'nyawa' kepada Anwar.

Tetapi berlainan dengan Dr. Mahathir. Beliau adalah pemimpin terbilang dan cakupannya adalah atas kepentingan rakyat jelata dan tidak dipengaruhi oleh sentimen peribadi. Oleh sebab itu, biarpun sudah bersara dan dilemparkan bermacam-macam tuduhan seperti pengkhianat, nyanyuk dan pengacau, kehadiran Dr. Mahathir di satu-satu tempat tetap menjadi tarikan.

Senyuman Dr. Mahathir mengundang pelbagai teka-teki yang boleh merimaskan kedudukan sesetengah pemimpin UMNO. Dan kerana senyuman sinis itulah, memungkinan untuk Dr. Mahathir tidak dipecat daripada UMNO.

Pak Lah selaku Presiden parti sudah dapat membayangkan situasi yang bakal berlaku jika Dr. Mahathir disingkirkan daripada UMNO, terutamanya menjelang pilihan raya umum akan datang. Dalam keadaan seperti ini, Pak Lah sudah tentu akan menjadi kan peristiwa 1987 sebagai pedoman demi untuk kepentingan UMNO, orang Melayu dan masa depan negara ini.

Sudah tentu Pak Lah tidak sanggup untuk membiarkan peristiwa pahit itu berulang untuk kali kedua, kerana beliau sendiri turut merasai keperitan yang hampir-hampir membunuh kerjanya politiknya